

**“KOMUNITI HARMONI, JIRAN BAHAGIA”**

**PERTANDINGAN FOTOGRAFI DAN FILEM PENDEK**

**HARI MALAYSIA 2025**

**TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN**

**Penganjur:**



**Usahasama:**



## **1. Pengenalan:**

Di Malaysia — sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian kaum, budaya dan bahasa — “Kejiranan” bukan sekadar kawasan tempat tinggal, malah ia merupakan satu cara hidup yang mencerminkan semangat saling membantu, hidup bersama secara harmoni dan menghormati kepelbagaian.

Dalam kehidupan seharian, suara sapaan mesra dalam pelbagai bahasa bergema di sekeliling kita, aroma masakan yang sedap kaya dengan campuran rempah ratus dari rumah sebelah, lebih-lebih lagi amalan kepercayaan, adat dan sambutan perayaan berasal dari kaum yang berlainan ini membentuk satu komuniti yang mesra dan bersatu. Tak kiralah warga-warga emas yang berbual santai sambil mengipas-ngipas di serambi, kanak-kanak yang berkejar-kejaran di sepanjang lorong, ataupun jiran-jiran yang berkongsi juadah sempena bulan Ramadan dan menyambut perayaan bersama-samaan — Detik-detik ini cukup melakar kisah kejiranan yang indah lagi unik di Malaysia.

Kejiranan merupakan titik permulaan semangat kebangsaan — satu unsur yang sangat berharga tetapi sering kita lepas pandang dalam kehidupan seharian. Ini bukanlah kisah-kisah megah yang kita ceritakan, malah detik-detik yang tidak menonjol tapi penuh bermakna ini, bersama-sama kita menyulam kenangan indah Malaysia.

Sempena sambutan Hari Malaysia 2025, ayuh kita rakamkan detik-detik kemesraan komuniti melalui lensa kamera. Tangkaplah wajah-wajah yang ingin diingati dan kisah-kisah yang ingin dikenangi. Dari senyuman ceria di pasar pagi, aksi tolong-menolong sesama jiran, hingga sapaan mesra antara sahabat lama — setiap cerita ini merupakan sebahagian daripada cerita Malaysia.

📸 Klik, rakam, dan kongsi! Rakamlah semangat kejiranan, ceritakan kisah Malaysia dengan lensa anda.

## **2. Objektif:**

- 2.1 Meningkatkan nilai kepelbagaian budaya, hormat-menghormati serta toleransi di kalangan masyarakat.
- 2.2 Mengelakkan simbolik kepelbagaian etnik dan budaya negara Malaysia.

## **3. Penganjur:** Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong)

## **4. Usahasama:** PhotoJam

**5. Penaja:** SONY, Canon, YONGNUO, YL Camera, Thinktank

**6. Kategori:**

- 6.1 Pertandingan Fotografi
- 6.2 Pertandingan Fotografi (Esei Foto)
- 6.3 Pertandingan Filem Pendek

**7. Kelayakan:**

- 7.1 Terbuka kepada semua warganegara dan bukan warganegara **berumur 23 tahun dan ke bawah.**
- 7.2 Pekerja-pekerja pihak pengajur utama, ahli-ahli persatuan pengajur bersama serta ahli keluarga mereka tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan ini.

**8. Tema:**

Karya berfokus pada tema “kejiranan” di negara ini dengan memaparkan nilai-nilai masyarakat berbilang kaum. Kandungan boleh merangkumi interaksi antara jiran tetangga, sambutan perayaan, kerjasama komuniti, dan kehidupan harian di kawasan kejiranan.

**9. Anugerah dan Hadiah:**

- 9.1 Pertandingan Fotografi

Anugerah	Wang Tunai	Hadiah
Hadiah Pertama	RM800	EOS R50V RF-S 14-30mm IS STM PZ RRP (RM3,899)
Hadiah Kedua	RM500	EOS R100 RF-S 18-45mm IS STM (RM2,899)
Hadiah Ketiga	RM300	EOS 1500D EF-S 18-55mm IS (RM2,299)
Hadiah Keempat	RM200	Powershot V10 (RM1,999)
Hadiah Kelima	RM150	Selphy CP1500 (RM799)
Cemerlang (x20)	RM100	Thinktank SD Pixel Pocket Rocket (RM87)
Sagu Hati (x30)	RM50	Kodak Fun Saver Disposable Camera (RM79)

- 9.2 Pertandingan Fotografi (Esei Foto)

Anugerah	Wang Tunai	Hadiah
Hadiah Pertama	RM800	Sony ILCE-6700B (RM7,099)
Hadiah Kedua	RM500	Sony ZV-1M2 (RM3,999)
Hadiah Ketiga	RM300	Sony ZV-1F (RM2,599)
Cemerlang (x10)	RM100	Sony SD Card SF-M64 (RM299)
Sagu Hati (x20)	RM50	Sony Bag LCS-BBK (RM159)

### 9.3 Pertandingan Filem Pendek

Anugerah	Wang Tunai	Hadiah
Hadiah Pertama	RM800	Sony ILCE-6700B (RM7099), Yongnuo YN 11mm F1.8 Plus Remote (RM1589) & Studio Lighting YNLUX100 RGB (RM1119)
Hadiah Kedua	RM500	Sony ZV-1M2 (RM3999), Yongnuo YN 33mm F1.4 Plus Remote (RM1449) & Studio Lighting YN150 Kit (RM869)
Hadiah Ketiga	RM300	Sony ZV-1F (RM2599), Yongnuo YN 50mm F1.8 DA DSMII (RM619) & Studio Lighting YN216 II (RM450)
Cemerlang (x10)	RM100	Sony SD Card SF-M64 (RM299), Yongnuo YN60RGB (RM139)
Sagu Hati (x20)	RM50	Sony Bag LCS-BBK (RM159), Yongnuo Mini Pocket Light YN60S (RM35)

9.4 Semua pemenang pertandingan akan menerima sijil penghargaan bercetak. Selepas Majlis Penyampaian Hadiah, peserta yang layak akan menerima sijil penyertaan digital melalui e-mel.

### 10. Tarikh Tutup Penyertaan:

Peserta mesti melengkapkan borang penyertaan **DAN** menghantar karya pertandingan mengikut ketetapan kepada penganjur utama sebelum atau pada **17 September 2025 (Rabu)**. Penyertaan yang dihantar selepas tarikh tutup penyertaan tidak akan dilayan.

### 11. Pendaftaran dan Syarat Penyertaan:

Item	Pertandingan Fotografi	Pertandingan Fotografi (Esei Foto)
Borang penyertaan	Lengkapkan borang penyertaan di Google Form ( <a href="https://forms.gle/pzod5AirXn4NEU1g6">https://forms.gle/pzod5AirXn4NEU1g6</a> ) dan muat naik karya.	Lengkapkan borang penyertaan di Google Form ( <a href="https://forms.gle/EsLc4AxSSCx8D6GU6">https://forms.gle/EsLc4AxSSCx8D6GU6</a> ) dan muat naik karya.

		
		Setiap pendaftaran dihadkan untuk satu karya sahaja.
Bilangan Peserta	Penyertaan secara berkumpulan atau melalui institusi/sekolah adalah tidak dibenarkan. Semua peserta mesti mendaftar <b>secara individu</b> . Penyertaan berkumpulan akan dibatalkan tanpa pertimbangan.	
Cara Penyerahan Karya	<p>a. Karya penyertaan mesti dimuat naik melalui Google Form <b>dan</b> dihantar melalui pos atau diserahkan sendiri ke kaunter pertanyaan di tingkat bawah bangunan Dong Zong. (Waktu pejabat: Isnin-Jumaat, 8:30am-5:30pm, kecuali hari cuti umum)</p> <p>b. Bukti penghantaran adalah berdasarkan tarikh cop pos sebelum atau pada tarikh tutup penyertaan.</p> <p>c. Alamat pengeposan atau penyerahan sendiri:</p> <p>Kepada: Mr Teo Hur Yaw (Bahagian Hal Ehwal Pelajar)            Pertandingan Fotografi dan Filem Pendek Hari Malaysia 2025            Blok A, Lot 5, Seksyen 10, Jalan Bukit, 43000 Kajang, Selangor.</p>	
Syarat-syarat	<p>a. Setiap karya mesti disertakan dengan tajuk dan nama peserta dalam Bahasa Cina, Inggeris atau Melayu. (Dilarang meletakkan Nama dan Tajuk pada bahagian hadapan foto.)</p> <p>b. Karya yang dihantar melalui pos atau diserahkan sendiri mesti dicetak berwarna dengan ukuran 8" x 12".</p> <p>c. Muat naik karya dalam format <b>JPEG atau PNG sahaja</b> dengan saiz gambar yang tidak kurang daripada 4MB.</p>	<p>a. Setiap penyertaan mesti mengandungi <b>enam (6)</b> keping gambar bersiri yang membentuk sebuah cerita lengkap.</p> <p>b. Setiap gambar perlu ditampilkan secara berasingan dan membawa makna yang tersendiri untuk membentuk sebuah cerita yang menyeluruh bila digabungkan.</p> <p>c. Setiap karya penyertaan mesti disertakan dengan tajuk, nama peserta dan eseи ringkas (50–100 patah perkataan) dalam Bahasa Cina, Inggeris atau Melayu untuk menghuraikan cerita dan mesej yang ingin disampaikan melalui karya tersebut. (Dilarang meletakkan Nama, Tajuk dan</p>

		<p>Penerangan pada bahagian hadapan foto.)</p> <p>d. Karya yang dihantar melalui pos atau diserahkan sendiri mesti dicetak berwarna dengan ukuran 5” x 7”.</p> <p>e. Muat naik karya dalam format <b>JPEG atau PNG sahaja</b> dengan saiz gambar yang tidak kurang daripada 4MB.</p>																
Lain-lain		<p>Jika peserta memerlukan perkhidmatan pencetakan gambar, sila merujuk proses dan maklumat kedai percetakan yang bekerjasama dengan pihak penganjur seperti berikut:</p> <p>a. Deposit berdasarkan bilangan gambar yang dicetak.</p> <p>b. Harga sekeping:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 8” x 12”: RM5</li> <li>• 5” x 7” : RM2</li> </ul> <p>c. E-mel butiran berikut kepada kedai yang berkenaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tajuk: Pertandingan Fotografi dan Filem Pendek Hari Malaysia 2025</li> <li>• No. Telefon</li> <li>• Bilangan gambar yang dimuat naik</li> <li>• Muat naik gambar</li> <li>• Bukti deposit</li> </ul> <p>d. Kedai percetakan yang berkenaan akan menghantar gambar yang telah siap dicetak kepada pihak penganjur. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang masalah atau kejadian yang berlaku sepanjang proses pencetakan.</p> <p>e. Senarai kedai percetakan:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>No</th> <th>Nama Kedai</th> <th>Telefon / E-mel</th> <th>Akaun Bank</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td><b>YS Photo Studio &amp; Color Processing Sdn Bhd</b> SS2, Petaling Jaya</td> <td>Jeffery Sek: 019-333 5605 info@ysphoto.com.my</td> <td>Maybank 5622-3667- 6566</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td><b>Fotorex Holdings Sdn Bhd</b> Kuala Lumpur</td> <td>Mr. Tan: 019-226 3787 fotorex68@gmail.com</td> <td>Public Bank 3117956629</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td><b>Quick Foto</b> 16-G, Jalan Prima 5, Pusat Niaga Metro Prima, 52100 Kuala Lumpur</td> <td>quickfototrading @gmail.com</td> <td>Maybank 5140-1201- 9719</td> </tr> </tbody> </table>	No	Nama Kedai	Telefon / E-mel	Akaun Bank	1	<b>YS Photo Studio &amp; Color Processing Sdn Bhd</b> SS2, Petaling Jaya	Jeffery Sek: 019-333 5605 info@ysphoto.com.my	Maybank 5622-3667- 6566	2	<b>Fotorex Holdings Sdn Bhd</b> Kuala Lumpur	Mr. Tan: 019-226 3787 fotorex68@gmail.com	Public Bank 3117956629	3	<b>Quick Foto</b> 16-G, Jalan Prima 5, Pusat Niaga Metro Prima, 52100 Kuala Lumpur	quickfototrading @gmail.com	Maybank 5140-1201- 9719
No	Nama Kedai	Telefon / E-mel	Akaun Bank															
1	<b>YS Photo Studio &amp; Color Processing Sdn Bhd</b> SS2, Petaling Jaya	Jeffery Sek: 019-333 5605 info@ysphoto.com.my	Maybank 5622-3667- 6566															
2	<b>Fotorex Holdings Sdn Bhd</b> Kuala Lumpur	Mr. Tan: 019-226 3787 fotorex68@gmail.com	Public Bank 3117956629															
3	<b>Quick Foto</b> 16-G, Jalan Prima 5, Pusat Niaga Metro Prima, 52100 Kuala Lumpur	quickfototrading @gmail.com	Maybank 5140-1201- 9719															

		4	<b>YL Camera</b> Lot G027-027B, Ground Floor Plaza Lowyat, No.7 Jalan Bintang, Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur	Ms Janet: 012-200 1863 proshoplyg1@gmail.com	Maybank 5140-4883-0100 Payee: YL Camera Services Sdn Bhd
--	--	---	---	--	--

<b>Pertandingan Filem Pendek</b>							
Borang penyertaan	Lengkapkan borang penyertaan di Google Form <a href="https://forms.gle/4izqFu6ecu9nH2Dg9">https://forms.gle/4izqFu6ecu9nH2Dg9</a> . Pautan filem pendek perlu dimuatnaik.						
	Setiap pendaftaran dihadkan untuk satu karya sahaja.						
Bilangan Peserta	a. Penyertaan secara individu atau berkumpulan (maksimum 5 orang). b. Sekiranya memenangi pertandingan, hanya satu (1) hadiah akan diberikan, namun semua ahli kumpulan akan menerima sijil kemenangan masing-masing.						
Cara Penyerahan Karya	a. Peserta perlu memuat naik sebuah video pratonton ( <i>Teaser</i> ) yang tidak melebihi 10 saat, mengikut format yang ditetapkan dalam syarat-syarat pertandingan. b. Peserta perlu memuat naik filem pendek bersama dengan sari kata dan video pratonton ( <i>Teaser</i> ) ke saluran Youtube sendiri. Video perlu berkualiti 1080p, dengan tahap audio yang ketara dengan campuran audio sekitar 10dB hingga 20dB. Seterusnya, isikan pautan filem pendek dan pratonton ( <i>Teaser</i> ) tersebut dalam borang penyertaan. c. Penyertaan mesti dihantar oleh peserta sendiri dan tidak dibenarkan melalui wakil atau pihak ketiga. d. Peserta perlu menetapkan filem pendek yang dimuat naik ke YouTube dalam kategori “ <b>Unlisted</b> ”, dan tidak boleh dikongsi atau dipaparkan melalui mana-mana saluran internet atau platform media sosial. Pautan video YouTube tersebut perlu disertakan dalam borang penyertaan. Semua maklumat yang dihantar mestilah lengkap, tepat dan benar.						
Syarat-syarat	a. Berikut adalah spesifikasi teknikal untuk menghasilkan DCP (Digital Cinema Package) bagi tayangan pawagam: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Format imej: QuickTime ProRes / MP4 format, H.264 (&gt;20 Mbps; High Profile) &amp; H.265</li> <li>• Frame rate: 24fps (23.98fps), 25fps, 30fps</li> </ul>						

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Audio: 2.0 Stereo or 5.1 Linear PCM</li> <li>• Sari Kata: in Sync SRT file format</li> </ul> <p>b. Tempoh masa filem pendek (termasuk kredit penutup) mestilah antara <b>3 hingga 6 minit.</b></p> <p>c. Tajuk bagi setiap penyertaan hendaklah dinyatakan dengan jelas, sama ada di permulaan atau di akhir filem pendek.</p> <p>d. Semua filem pendek mesti mengandungi dua (2) jenis bahasa sebagai sari kata (jika ada), dan Bahasa Melayu adalah diwajibkan.</p>
Lain-lain	<p>a. Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karya yang hilang, dicuri, lewat diterima, tidak lengkap, tidak sah, rosak, tidak dapat dikenalpasti atau pautan yang salah (penyertaan sebegini akan dibatalkan kelayakan);</li> <li>• Sebarang masalah teknikal, termasuk kegagalan rangkaian, perkakasan atau perisian elektronik;</li> <li>• Sebarang kesilapan, termasuk kesilapan manusia, pertikaian kandungan, ralat teknikal, pelanggaran undang-undang atau kesilapan lain.</li> </ul> <p>b. Pihak pengajur berhak membatalkan kelayakan penyertaan, sekiranya mendapati peserta memanipulasi operasi pertandingan atau proses penyertaan, atau melanggar peraturan-peraturan / undang-undang yang berkenaan.</p> <p>c. Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan diterima dan kelayakan akan dibatalkan.</p>

## 12. Harta Intelek:

- 12.1 Semua penyertaan mestilah karya asli yang tidak pernah disiar atau diterbit secara umum.
- 12.2 Sebarang tiruan atau karya yang melanggar hak cipta adalah tidak dibenarkan. Peserta perlu menanggung segala tanggungjawab sepenuhnya.
- 12.3 Pihak pengajur berhak untuk mentafsir, menggunakan dan mengubah suai semua karya pertandingan termasuk hak untuk memamer, mengedit, menerbit dan lain-lain. Peserta tidak boleh menuntut sebarang bayaran daripada pihak pengajur.
- 12.4 Pihak pengajur berhak menggunakan karya yang telah didaftarkan untuk kegunaan masa hadapan, termasuk tujuan promosi, penyuntingan, dan pelbagai aktiviti lain yang berkaitan.
- 12.5 Pertandingan Fotografi dan Fotografi (Esei Foto)
  - Semua karya penyertaan akan menjadi harta pengajur dan tidak akan dikembalikan.
  - Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu berkaitan hak penggunaan imej individu dalam karya yang dihantar.

## 12.6 Pertandingan Filem Pendek

- Peserta bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan kebenaran dan lesen yang diperlukan bagi semua bahan visual dan audio dalam kandungan filem pendek, termasuk surat kebenaran daripada pelakon serta permit lokasi penggambaran.
- Kandungan hanya boleh menggunakan muzik yang asli, bebas royalti, atau yang telah diberikan hak cipta. Peserta wajid memastikan bahawa telah memperoleh hak penggunaan yang sah untuk sebarang muzik berhak cipta.
- Kandungan tidak boleh mengandungi sebarang jenama, hak kontrak atau harta intelek milik pihak ketiga atau mana-mana entiti lain.
- Kandungan tidak boleh mengandungi nama, imej, atau ciri pengenalan mana-mana selebriti atau individu berprofil tinggi.
- Kandungan tidak boleh mengandungi unsur yang bersifat diskriminasi terhadap hak asasi manusia, jantina, etnik, kelas sosial, atau yang menyebarkan kebencian dan sebagainya.
- Peserta akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan, kerosakan, kerugian atau kos yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka (termasuk yuran guaman), dan bersetuju untuk memberi pampasan sepenuhnya kepada pihak penganjur, pekerja, agensi, wakil serta penaja pertandingan daripada sebarang tuntutan oleh mana-mana individu atau entiti akibat pelanggaran mana-mana syarat dinyatakan.

## 13. Kriteria Penilaian

### 13.1 Spesifikasi Karya:

- a. Pertandingan Fotografi dan Fotografi (Esei Foto)
  - Semua gambar penyertaan mestilah asli tanpa elemen pengubahsuaian.
- b. Pertandingan Filem Pendek
  - Karya yang disunting secara berlebihan atau dihasilkan dengan menggunakan kecerdasan buatan (AI) tidak akan diterima.

### 13.2 Aspek Penilaian:

- a. Pertandingan Fotografi
  - Penilaian akan mengutamakan tema kandungan; kreativiti, komposisi, warna, pencahayaan dan teknik ton akan dinilai sebagai elemen sokongan. Gaya fotografi berunsur dokumentari kehidupan harian adalah digalakkan.
- b. Pertandingan Fotografi (Esei Foto)
  - Penilaian berpandukan tema utama foto, dengan kreativiti, komposisi, warna, pencahayaan dan teknik ton sebagai aspek sokongan. Gaya fotografi berunsur dokumentari kehidupan harian adalah digalakkan.
  - Karya mestilah disertai dengan penerangan bertulis (seperti naratif cerita, gambaran suasana atau ekspresi peribadi) yang berkait rapat dan menyampaikan

- tema dengan jelas.
- c. Pertandingan Filem Pendek
- Penilaian akan fokus kepada kandungan tema utama, dengan kreativiti dan keaslian, sinematografi, penyuntingan dan kualiti teknikal sebagai kriteria sokongan. Kandungan filem berunsur realistik amat digalakkan.
- 13.3 Pihak pengajur dan panel juri berhak membatalkan kelayakan seseorang peserta yang tidak mengikuti peraturan-peraturan pertandingan.
- 13.4 Keputusan panel juri adalah muktamad dan segala rayuan atau aduan tidak akan dipertimbangkan.
- 13.5 Pihak pengajur akan memaklumkan semua pemenang selepas keputusan diumumkan, dan senarai pemenang akan disiarkan di laman sesawang rasmi pada bulan November 2025.
- 13.6 Pihak pengajur berhak menambah, memadam atau meminda terma dan syarat pertandingan, termasuk tarikh dan aktiviti berkaitan.

#### **14. Lain-lain:**

- 14.1 Peserta dibenarkan menghantar lebih daripada satu penyertaan bagi setiap kategori pertandingan yang berlainan. Namun begitu, setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah bagi setiap kategori.
- 14.2 Semua pemenang akan dihubungi melalui telefon atau emel. Sekiranya perlu, pihak pengajur akan menujuhkan kumpulan komunikasi di media sosial untuk tujuan penyelaras dan penyampaian maklumat.
- 14.3 Semua pemenang akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah (lokasi sekitar kawasan Lembah Klang) dan bersedia untuk menghadiri sesi temuramah atau rakaman yang dianjurkan oleh pihak pengajur. Pemenang perlu menanggung segala kos penginapan dan pengangkutan.
- 14.4 Semua hadiah wang tunai akan disalurkan selepas majlis penyampaian hadiah melalui pemindahan bank atas talian atau Touch 'n Go eWallet. Pemenang dikehendaki memberikan kerjasama sepenuhnya dalam proses pembayaran. Sekiranya gagal berbuat demikian, pihak pengajur berhak membatalkan bayaran hadiah tersebut.
- 14.5 Pemenang yang tidak dapat hadir ke majlis penyampaian hadiah perlu memungut hadiah dan sijil di pejabat pengajur dalam tempoh 90 hari selepas majlis, atau memohon penghantaran melalui pos. Segala kos pengeposan ditanggung oleh peserta. Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh tersebut akan diambil alih oleh pihak pengajur.
- 14.6 Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:  
Encik Teo Hur Yaw  
Pegawai Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Dong Zong  
Tel: 03-8736 2337 (samb. 310)  
E-mel: [co-curriculum@dongzong.my](mailto:co-curriculum@dongzong.my)